

SEKITAR MAJLIS ANUGERAH JAUHARI

Inspirasi bagi anak muda lain

Pemilihan Sheik Farhan sebagai Jauhari Harapan jadi bukti sifat inklusif kejayaan yang boleh dicapai masyarakat

JUARA silat dunia, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, tidak sangka menjadi Jauhari Harapan tahun ini.

Oleh itu, anak muda yang mula belajar silat semasa berumur tiga tahun itu terkejut apabila diiktiraf sebagai penerima Anugerah Jauhari Harapan Berita Harian kali ini.

Namun bagi tetamu yang hadir di majlis penyampaian anugerah tersebut di Hotel Furama RiverFront malam kelmarin, pencapaian Sheik Farhan selama ini yang menjadi sumber inspirasi bagi sesetengah anak muda sebayanya membuktikan bahawa beliau wajar diiktiraf dengan anugerah tersebut.

Presiden Persekutuan Sepak Takraw Singapura (Perses), Encik Abdul Halim Kader, berkata beliau gembira bidang sukan juga diberi perhatian oleh juri yang menentukan penerima anugerah itu.

"Anugerah Jauhari merupakan kebanggaan bagi masyarakat Melayu/Islam Singapura dalam semua bidang utama.

"Jelas, kami dapat melihat bahawa anugerah tersebut juga dapat menjadi sumber inspirasi bagi anak muda seperti pemenang Anugerah

Jauhari Harapan tahun ini, Sheik Farhan," ujarnya.

Anggota Parlimen (AP) GRC Jurong, Cik Rahayu Mahzam, juga berpendapat bahawa adalah penting memberi pengiktirafan dalam apa jua bidang yang diceburi anggota masyarakat.

"Adalah amat menggalakkan bahawa kita bersifat inklusif dan pelbagai dalam menentukan apa yang dianggap sebagai kejayaan. Ini lebih-lebih lagi menggalakkan bagi golongan muda.

Hargai sokongan rakan, penaja

MAJLIS Anugerah Jauhari 2016 adalah salah satu contoh bagaimana *Berita Harian* bekerjasama dengan rakan kongsi dan rangkaianannya untuk mendekati masyarakat.

Editor Berita Harian/Berita Minggu (BH/BM), Encik Saat Abdul Rahman, ketika berucap dalam majlis penyampaian Anugerah Jauhari di Hotel Furama RiverFront malam kelmarin, berkata akhbar ini telah bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi dan penyokong untuk mendekati pembaca.

"BH telah bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi dan penyokong untuk mendekati pembaca kami, terutama dalam bidang seperti hubungan antara agama dan keharmonian kaum, kesihatan dan pendidikan.

"Acara kami pada malam ini (penyampaian Anugerah Jauhari malam kelmarin) adalah salah satu contoh kerjasama yang menyaksikan rakan kongsi dan rangkaian kami berganding bahu menyokong dan meraikan Jauhari kami," kata Encik Saat lagi.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan sedalam-dalam penghargaan kepada penyokong dan penaja utama BH seperti IMC Organisation yang menyokong kuat dan menyediakan kemudahan bagi kegiatan antara agama; dan Yayasan S.M. Jaleel, yang merancang bekerjasama dengan BH untuk membantu kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah.

BH juga merakamkan penghargaan kepada MDIS dan TEG dalam bidang pendidikan serta Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), pergerakan Geng Sihat, Dr Kereta, Scoot dan Kumpulan Hotel Furama selaku penyokong tempat majlis kali ini.

BH juga telah dan sedang bekerjasama dengan Hospital Raffles dan GRC East Coast bagi menganjurkan seminar kesihatan dan program memerangi penyakit kencing manis di kalangan penduduk Melayu.

"Malah dalam ucapannya juga, Sheik Farhan akur bahawa ia merupakan sumber dorongan baginya dan saya harap kita dapat melihat lebih ramai anak muda tampil mencapai impian mereka," katanya.

AP GRC Chua Chu Kang, Encik Zaqy Mohamad, juga percaya pencapaian Sheik Farhan akan menjadi perangsang dan contoh baik bagi anak muda yang lain.

"Saya rasa kita mempunyai ramai ahli sukan seperti beliau yang

berkecimpung dalam arena sukan silat dan saya rasa kemenangannya boleh menjadi inspirasi kepada anak Melayu kita kerana mereka juga menginginkan seorang ikon yang boleh memberi mereka keyakinan.

"Sheik Farhan mempunyai potensi yang besar dan insya-Allah saya berharap beliau dapat mencapai potensinya yang sebenar.

"Penting juga kita terus mengikut perkembangan dan memberi beliau sokongan yang diperlukan supaya beliau dapat mencapai cita-citanya dan terus menjadi inspirasi bagi yang lain," kata Encik Zaqy.

Menurutnya lagi, anugerah yang diterima Sheik Farhan itu juga merupakan pengiktirafan bagi semua penggiat silat tanah air.

"Pengiktirafan Anugerah Jauhari Harapan bagi Sheik Farhan memang tepat dan layak.

Ucapan yang disampaikan juga menunjukkan bahawa beliau seorang yang sangat rendah hati.

Beliau merupakan kebanggaan masyarakat dan semestinya, beliau boleh menjadi inspirasi kepada kita semua."

— Presiden Persatuan Bertindak Ginjal bagi Masyarakat Islam (MKAC), Encik Ameer Ali Abdeali.



Foto M.O. SALLEH

CATATAN PM LEE DI FACEBOOK

"Saya gembira menyampaikan Anugerah Jauhari Berita Harian kepada juara silat dunia, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, dan Penolong Pesuruhjaya Kanan (SAC), Zuraidah Abdullah, malam tadi. Kedua-duanya adalah perintis dalam bidang masing-masing. Sheik Farhan berasal daripada keluarga pesilat dan menjadi juara silat dunia ketika baru berusia 17 tahun. Sejak itu beliau telah berjaya memenangi lebih banyak pingat emas untuk Singapura dan dianugerahkan Biasiswa Spex tahun ini. Zuraidah pula adalah Melayu pertama yang menyertai Pasukan Polis Singapura melalui program kemasukan langsung, tiga dekad lalu. Berkat kegigihannya, beliau dinaikkan pangkat sehingga menjadi SAC, wanita pertama yang berjaya memegang jawatan ini. Kini beliau menyelia semua operasi Home Team di lima pusat pemeriksaan udara Singapura. Beliau juga telah banyak menyumbang kepada masyarakat ketika memimpin Yayasan Mendaki dan kini Yayasan Warisan Melayu. Tahniah kepada Farhan dan Zuraidah! Semoga anda terus berjaya dan menjadi sumber inspirasi kepada kita semua."

LAPORAN SEKITAR MAJLIS ANUGERAH JAUHARI DI MUKA 6-7

KONGSI KEJAYAAN

"Sheik Farhan berdedikasi dan tabah dalam mengejar impiannya.

Selain itu, beliau juga menunjukkan bahawa kerja keras itu penting dalam mencapai sesuatu yang diinginkan.

Melalui pengalamannya, kita boleh pelajari bahawa jika kita memberikan tumpuan sepenuhnya, kita boleh meraih kejayaan."

— Pengarah Eksekutif Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Mohd Anuar Yusop.

"Sheik Farhan menjadi contoh yang baik bagi masyarakat.

Kemenangan beliau merupakan satu cara yang baik untuk kita menunjukkan penghargaan terhadap ahli sukan kita.

Mereka perlu mengimbangi banyak perkara seperti latihan, pendidikan atau pekerjaan dan sebagainya.

Oleh itu, anugerah ini merupakan satu pengiktirafan bagi mereka."

— Pengarah Urusan SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur.